

Kerajaan Kedah Dapatkan Bantuan Kewangan Awal Untuk Projek Pembangunan - Mukhriz Bernama
5 Jun, 2013

ALOR SETAR, 5 Jun (Bernama) -- Kerajaan Kedah akan mendapatkan bantuan kewangan daripada kerajaan persekutuan bagi melaksanakan beberapa projek pembangunan untuk rakyat negeri ini, kata Menteri Besar Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir.

Beliau berkata bantuan itu hanya bagi peringkat awal sahaja sebelum kerajaan negeri boleh berdikari.

Katanya, kerajaan negeri tidak mempunyai sumber pendapatan yang banyak dan beliau menetapkan setiap wang yang dibelanjakan akan memberi pulangan ekonomi kepada negeri ini semula.

"Kerajaan negeri sangat-sangat berhemah untuk uruskan kewangan negeri. Kita tak ada sumber pendapatan yang besar tetapi ada cita-cita tinggi untuk bangunkan negeri.

"Kesemua perbelanjaan, setiap ringgit yang dikeluarkan mesti menjana hasil. Bukan seperti 'curah air atas daun keladi' sahaja. Ia akan mendatangkan hasil yang tinggi kepada rakyat sekali gus menyumbang ke arah penjana pendapatan negeri," katanya.

Mukhriz bercakap kepada pemberita selepas Majlis Pentauliahian Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri Kedah yang baharu di Istana Anak Bukit di Alor Setar, Rabu.

Beliau memberi contoh pembinaan kampus induk Kolej Universiti Insaniah (KUIN) di Kuala Ketil bernilai RM330 juta yang langsung tidak menjana pendapatan kepada kerajaan negeri di mana mereka terpaksa membayar hutang sebanyak RM46 juta setahun.

Beliau berkata pelbagai projek seperti projek infrastruktur akan dilaksanakan di negeri ini yang mampu memberi sumbangan secara langsung kepada ekonomi negeri.

Mukhriz bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai projek yang dirancang kerajaan negeri kerana dalam proses perbincangan dan perlu penelitian di peringkat negeri terlebih dahulu.

Mengenai kes penyakit kencing tikus di kawasan peranginan dan air terjun di Baling, beliau berkata telah bertemu dengan pegawai perhutanan terlibat dan puncanya berkaitan soal kebersihan di kawasan rekreasi berkenaan.

Katanya, sampah sarap yang dibuang pengunjung mencemarkan sumber air sekali gus mengundang kehadiran tikus menyebabkan terjadinya masalah itu.

"Pada waktu sama penduduk sekitar kawasan rekreasi itu yang menggunakan sumber air terjun itu tidak terkena kencing tikus itu. Saya nasihatkan pengunjung supaya jaga kebersihan kawasan tersebut bagi mengelak perkara sama berulang," katanya

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=954162>

